

28 FEB 1999

Singapura-Hubungan

S'PURA HARAP RUNDINGAN PERINGKAT PEGAWAI DENGAN M'SIA DIADAKAN

SINGAPURA, 28 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Singapura Brig-Jen (Kerahan) Lee Hsien Loong berkata republik itu berharap rundingan peringkat pegawai dapat diadakan dengan Malaysia bagi menyelesaikan isu-isu dua hala secara pakej.

"Sama ada persetujuan akhirnya dicapai atau tidak, adalah lebih baik kita berbincang daripada bertelingkah mengenainya," kata Hsien Loong, yang dipetik sebagai berkata dalam Berita Minggu hari ini.

Pada sidang kemuncak ASEAN di Hanoi Disember lepas, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju untuk merunding dan menyelesaikan segala isu dua hala sebagai satu pakej.

Perbalahan diplomatik tercetus pada Julai lepas apabila Singapura memberitahu Malaysia bahawa Kuala Lumpur tidak mempunyai kuasa yang sah terhadap operasi pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Stesen Keretapi Tanjong Pagar selepas Singapura memindahkannya ke Woodlands.

Selain itu, kedua-dua negara juga berbalah berhubung isu dakwaan pencerobohan pesawat Tentera Udara Republik Singapura ke ruang udara Malaysia dan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung.

Baru-baru ini, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar telah mengirimi surat kepada rakan sejawatannya Prof S.Jayakumar. Surat itu melampirkan kertas kerja untuk menjelaskan beberapa isu tertentu berhubung CIQ Malaysia di Singapura.

Sehubungan itu, Kementerian Ehwal Luar Singapura mengeluarkan kenyataan bahawa mereka berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan Malaysia mengenai pertikaian berhubung keengganan Kuala Lumpur untuk memindahkan kemudahan CIQ Malaysia di Tanjong Pagar ke Woodlands dan sedia berunding.

Hsien Loong berkata soal hubungan Singapura dengan Malaysia yang terjejas ekoran isu-isu itu dan perkembangan di Indonesia merupakan cabaran luar yang perlu ditangani dengan tabah dan yakin bagi memastikan Singapura terus kukuh dalam keadaan sekarang.

"Dua lagi cabaran ialah mengukuhkan daya saing dan memulihkan ekonomi Singapura serta terus meningkatkan perpaduan rakyat Singapura lebih-lebih lagi dalam keadaan sukar sekarang," katanya pada jamuan sempena Tahun Baru Cina di Teck Ghee, malam tadi.

Isnin lepas, Goh dilaporkan sebagai berkata Singapura kini menunggu keputusan Malaysia untuk menetapkan tarikh yang sesuai bagi memulakan rundingan pakej dua hala yang menyentuh pelbagai isu antara kedua-dua negara.

Goh juga telah menyifatkan perkembangan terkini mengenai hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia sebagai positif.

-- BERNAMA

MKO AKD